

# Perlu kajian kenal pasti penyusutan

» Banyak status tanah rizab tidak diganti



Peserta yang hadir pada **permbentangan kertas kerja Seminar Tanah Rizab Melayu 'Dahulu Kini Dan Akan Datang'**, semalam.

[FOTO AMRAN HAMID/BH]

Oleh **Nahar Tajri**  
nahar@bh.com.my

Alor Setar

**K**ajian khas mengenai tanah rizab Melayu di Semenanjung perlu dilakukan bagi mengenal pasti kedudukannya untuk memudahkan tindakan memeliharanya selaras Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan berkaitan Memperkukuhkan Enakmen Rizab Melayu Negeri.

Cadangan itu berikutan kebimbangan mengenai kedudukan semasa tanah rizab Melayu yang tinggal 20 peratus, iaitu penyusutan kepada 3.6 juta hektar daripada 12.8 juta hektar keseluruhan tanah rizab Melayu di Semenanjung yang dimiliki sepenuhnya oleh

orang Melayu sebelum ini.

Keadaan ini dikatakan berlaku kerana banyak pembatalan status tanah rizab Melayu tidak diganti.

Profesor Pelawat Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Datuk Dr Nik Mohd Zain Nik Yusof, berkata kajian itu perlu dilakukan oleh Majlis Tanah Negara melalui Unit Perancang Ekonomi

(EPU) di setiap negeri.

Bekas Ketua Pengarah Pejabat Tanah dan Galian itu berkata, kajian perlu menjurus kepada keluasan sebenar tanah rizab Melayu yang ada serta penggantian semula tanah rizab Melayu yang dibatalkan dan penggantian semula yang belum waktakan.

## Perlu kemas kini data

Pada masa sama, katanya, pihak berkaitan sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri perlu mengemaskini data mengenai tanah rizab Melayu kerana ia penting yang menjadi salah satu asas dalam Perlembagaan negara.

"Sehingga kini, tiada kajian khusus dibuat untuk mengetahui kedudukan sebenar tanah rizab Melayu. Apa yang kita tahu daripada banyak kajian, keluasannya menyusut," katanya.

Beliau ditemui selepas menghadiri 'Seminar Tanah Rizab Melayu 'Dahulu Kini dan Akan Datang' yang anjuran Institut Pengurusan dan Integriti Nasional (INSPIN) Kedah di TH Hotel & Convention Centre, yang dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga, Perumahan dan Pembangunan Insan negeri, Datuk Badrulhisham Hashim.

Mengulas lanjut, Nik Mohd Zain berkata, kajian itu akan memberi gambaran sebenar mengenai tanah rizab Melayu, sekali gus boleh dijadikan sandaran untuk tindakan yang sepatutnya.

"Ini penting kerana perkara ini diperuntukkan dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan, selain diwasiatkan dengan jelas oleh Raja-Raja Melayu sejak 1957," katanya.